

14/01/1997

Guru tidak lagi buat kerja kerani

KUALA LUMPUR, Isnin - Guru tidak akan dibebani dengan tugas perkeranian berikutan kelulusan kerajaan mengambil 14,000 kakitangan sokongan baru yang akan ditempatkan di hampir semua sekolah, tahun ini.

Kakitangan sokongan itu merangkumi kerani am, pembantu tadbir, pembantu makmal dan pembantu am rendah.

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata pelantikan kakitangan sokongan baru itu dapat mengurangkan beban guru menjalankan kerja pentadbiran dan membolehkan mereka memberi tumpuan penuh kepada tugas pengajaran.

Sehubungan itu, katanya, Kementerian Pendidikan sedang berunding dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran supaya pelantikan itu dilakukan segera.

"Kita berharap sebahagian besar daripadanya dapat dilakukan tahun ini," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan perutusan tahun baru 1997 kepada kakitangan Kementerian Pendidikan di Bahagian Teknologi Pendidikan, Bukit Kiara di sini, hari ini.

Turut hadir timbalan menterinya, Datuk Khalid Yunus dan Datuk Dr Fong Chan Onn serta Ketua Pengarah Pendidikan, Tan Sri Dr Wan Mohd Zahid Mohd Noordin.

Najib juga mengumumkan agensi Pusat turut meluluskan peruntukan tambahan RM40 juta lagi bagi menyediakan kemudahan pinjaman kenderaan kepada Kementerian Pendidikan.

Peruntukan dalam bentuk tabung pusingan itu adalah tambahan kepada peruntukan RM60 juta bagi tujuan yang sama.

Berikutan itu, kira-kira 2,500 kakitangan Kementerian Pendidikan termasuk guru besar, pengetua dan penolong kanan mendapat manfaat daripadanya.

Menurut Najib, Kementerian Pendidikan juga sedang berusaha untuk mendapatkan peruntukan tambahan bagi pinjaman pembelian komputer.

Mengenai Laporan Tan Sri Rahman Arshad, Najib berkata, Kementerian Pendidikan sudah mengkaji dan membuat ulasan terhadap 82 perkara yang terkandung di dalamnya dan akan mengajukannya untuk pertimbangan kerajaan.

Bagaimanapun beliau enggan mengumumkan 82 perkara terbabit, sebaliknya berkata akan mengumumkannya selepas berjumpa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kita hendak menentukan perkara yang perlu diberi keutamaan daripada 82 perkara itu yang dianggap kritikal seperti masa depan guru dan peluang kenaikan pangkat," katanya.

(END)